

19/02/2002

JPA sentiasa pertingkat sistem pentadbiran capai tahap dunia

JOHOR BAHRU, Isnin - Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa membuat pembaharuan bagi meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan pengurusan di negara ini bagi mencapai tahap kelas dunia.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata pelbagai masalah yang wujud dalam sistem pentadbiran awam lebih mudah ditangani apabila sistem pengurusan sudah mencapai tahap berkenaan.

Beliau berkata, ia juga dapat mengurangkan aduan rakyat berkaitan pengurusan jabatan kerajaan yang sering dilaporkan dalam media cetak atau elektronik.

"Banyak jabatan kerajaan dan pentadbiran kerajaan negeri melakukan inovasi atau pembaharuan bertujuan memajukan JPA selain meningkatkan kecekapan sistem pengurusan dengan pelanggan masing-masing," katanya berucap di majlis makan malam sempena mesyuarat jawatankuasa perhubungan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, di sini malam tadi.

Lebih 200 pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuk ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan menghadiri makan malam di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Samsudin berkata, mesyuarat jawatankuasa perhubungan itu yang diadakan empat kali setahun adalah forum bagi memberi peluang kepada pentadbir kerajaan negeri dan Persekutuan bertukar pendapat dan berbincang dalam menyelaraskan dasar dan keputusan Kerajaan Pusat.

Selain itu, beliau turut memuji pentadbiran kerajaan Johor pimpinan Abdul Ghani kerana mempelopori garis panduan dan prosedur berurusan dengan jabatan kerajaan di negeri ini.

"Kerajaan Johor adalah terawal melaksanakan program seumpama ini yang memberi keselesaan kepada orang ramai apabila berurusan di pejabat atau agensi kerajaan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meminta supaya pentadbir kerajaan negeri lain supaya mengambil inisiatif dan mencontohi inisiatif kerajaan Johor dengan mengeluarkan prosedur atau panduan berurusan jabatan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Abdul Ghani berkata, peranan pihak berkuasa tempatan pada masa ini semakin penting tetapi kuasa pentadbiran mereka terbatas berbanding tuntutan tinggi masyarakat setempat.

Justeru, beliau mencadangkan supaya kerajaan Persekutuan perlu banyak mengadakan membuat pertemuan dan perbincangan dengan pemimpin kerajaan tempatan sekali gus menangani pelbagai perkara berkaitan tuntutan masyarakat awam.

(END)